



**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
**[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]**  
**- PEKELILING -**



**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

Fail : MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 3 (34)

Tarikh : 5 September 2012  
18 Syawal 1433H

Kepada;

**Semua Warga Kerja**  
**Majlis Bandaraya Shah Alam**

Tuan/ puan,

**PEMBAYARAN BONUS SIMPANAN SELANGORKU**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis melalui Mesyuarat Majlis yang telah diadakan pada 30 Ogos 2012 telah bersetuju memberi Bonus tambahan dalam bentuk Bonus Simpanan Selangorku sebanyak **RM200.00**. Bonus tersebut akan dibayar ke dalam akaun **Lembaga Tabung Haji** bagi kakitangan beragama Islam dan **Bank Simpanan Nasional** bagi bukan beragama Islam.

3. Sehubungan itu semua warga kerja MBSA diminta mengemukakan salinan muka depan buku akaun simpanan Lembaga Tabung Haji atau Bank Simpanan Nasional ke Bahagian Sumber Manusia bagi tujuan pembayaran bonus tersebut.

4. Bagi warga kerja yang masih belum membuka akaun di Lembaga Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional boleh berbuat demikian dengan mendapatkan Borang Permohonan Membuka akaun di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan atau di Bahagian Gaji, Jabatan Kewangan. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian Gaji, Jabatan Kewangan **selewat-lewatnya pada 21 September 2012**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \***

Saya yang menjalankan tugas,

**(HAJI JAMRI BIN BASNI)**  
Pegawai Khidmat Pengurusan  
b.p. Datuk Bandar

JB/MFAM/MAS/ra - bayaran kenaikan gaji

s.k. - Datuk Bandar